

## **BAB 1**

### **Pendahuluan**

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, manfaat kajian serta batasan kajian. Pengkaji akan mengutarakan pandangan- pandangan pengkaji lain terhadap tahap penggunaan buku teks dan kriteria buku teks yang berkualiti dan dapat memanfaatkan penggunaannya iaitu pelajar dan guru – guru di sekolah.

Oleh kerana buku teks memainkan peranan yang sangat penting dalam menambahkan ilmu pengetahuan pelajar maka kajian ini perlu dilakukan untuk melihat manfaat buku teks terhadap pertambahan kemahiran bahasa mereka seperti kemahiran membaca ,kemahiran menulis, kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar. Justeru kerana itu dalam bab ini kita akan melihat kenapa kajian ini perlu dilakukan terhadap penggunaan buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 1.

### **Latar belakang Kajian**

Kurikulum bahasa Arab Sekolah Menengah Kebangsaan mula digubal secara rasmi mulai Januari 1977 dengan mengambil alih 11 buah Sekolah Agama Rakyat dan Negeri menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ( SMKA ). Manakala pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Kelas Aliran Agama (KAA) disekolah – sekolah menengah kebangsaan harian.

Peranan buku teks kepada guru dan pelajar di Malaysia memainkan peranan yang sangat penting. Penggunaan buku teks dalam sistem pendidikan di Malaysia telah bermula dengan wujudnya Biro Buku Teks( kini Bahagian Buku Teks )pada tahun 1967. Ini Bermakna sebarang kajian yang menyentuh buku Teks sekaligus perlu mengambil kira peranan Bahagian Buku teks ( BBT ), Kementerian Pendidikan itu sendiri. Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1974 , halaman 202, peranan BBT meliputi :

- ( a ) Mengawal dan meninggikan mutu buku – buku teks di sekolah – sekolah,
- ( b ) Mengawal penggunaan dan pertukaran buku teks di sekolah – sekolah,
- ( c ) Mengawal harga buku – buku teks, dan
- ( d ) Mengawal pembekalan dan penjualan buku – buku teks.

Pengurusan agihan bekalan buku teks di BBT dinamakan Skim Pinjaman Buku Teks ( SPBT ). Program SPBT ini selain mengagihkan BBT juga melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Daerah dan sekolah.

Seterusnya buku teks pula menurut definisi Oxford Fajar Dictionary ( 2001 : 1976 ) ialah buku yang memberi pengajaran mengenai sesuatu mata pelajaran. Pada pandangan penulis,engkaji sesebuah buku teks perlu mempunyai nilai piawaian( standard ) dan sesuai digunakan dalam konteks kebangsaan( seluruh negara ). Sebagai pelengkap, Naville Grant ( 1994 : 8 ) telah menggariskan fungsi buku teks dari kaca mata guru yang menggunakan buku teks sepenuhnya dalam pengajaran iaitu untuk :

- ( 1 ) Membantu guru mengenal pasti apa yang perlu diajar.
- ( 2 ) Memilih dan menentukan apakah kaedah pengajaran yang sesuai dengan bahan

daripada buku teks yang digunakan.

- ( 3 ) Menjimatkan kos kerana menggunakan bahan sedia ada dalam buku teks
- ( 4 ) Menjimatkan masa guru untuk menyediakan bahan pengajaran sendiri dan
- ( 5 ) Menggunakan buku teks sebagai bahan bantu mengajar yang utama bagi guru dan pelajar.

Untuk menghasilkan buku teks yang lengkap dan sempurna mungkin sukar tetapi proses penulisan dan penyediaan buku teks perlu mengambil kira tiga faktor iaitu pelajar, guru dan peranan buku teks itu sendiri ( Naville Grant, 1994 ). Hal ini adalah berpunca daripada kepelbagaian pelajar, gaya pengajaran guru dan perkaitan atau relevansi kandungan buku teks dengan kehendak dan keperluan kurikulum dan format semasa.

Hal tersebut di atas selaras dengan pendapat Lamie ( 1999, website dipetik daripada Dawn Garinger, 2002 ) bahawa , “ ... an approved textbook may easily become the curriculum in the classroom ...”. Frasa “ approved textbook : yang dinyatakan oleh Lamie adalah bertepatan dengan pengertian buku teks dalam Oxford English Dictionary ( 1978 : 239 ) iaitu “A book used as a standard work for the study of a particular subject ....”

Dengan kata lain, sesebuah buku dianggap sebagai buku teks sekiranya memenuhi keperluan proses pembelajaran sesuatu pelajaran dan pengesahannya mestilah melalui satu badan khas yang mempunyai mandat dan kepakaran tentang buku teks. Dalam konteks Malaysia badan ini ialah Bahagian Buku Teks yang tugasnya memperakui sesebuah buku untuk di jadikan buku teks sesuatu mata pelajaran di sekolah – sekolah

( UNISCO,1983 ; Abdul Rahman Md Aroff & Abd Aziz Zakaria,1989 ; Koo see Choon,1996 ; risalah pelanggan Bahagian Buku Teks 2002)

### **Penyataan masalah**

Buku teks memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Walaupun telah wujud pelbagai bahan bantu mengajar yang lebih moden dan canggih seperti penggunaan teknologi maklumat melalui komputer dan internet pada alaf baru ini, peranan buku teks tidak dapat kita kesampingkan ( The Encyclopedia AMERICANA,1994, volume 26 hlm 563 )Tambahan pula pelajar dan guru diwajibkan menggunakan buku teks sebagai sumber utama di dalam kelas sebagaimana arahan Kementerian Pendidikan melalui pekeliling Iktisas Bil 12 / 1999 yang menyebut “ Buku teks yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia wajib digunakan di semua sekolah kerajaan”

Beberapa kajian yang telah dijalankan telah membuktikan adanya kesan positif antara penggunaan buku teks dengan pencapaian akademik pelajar ( Abdul Rahman Md. Aroff et. al., Zulkifli A. Manaf et.al., 1995 ; dan Abd Majid Isa et. al., 1999) Menurut Pn. Qhomariah Samu, Penolong Pengarah Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia ( BBT ) telah membelanjakan antara RM 60 – 90 juta setiap tahun bagi menyediakan bekalan buku teks untuk sekolah – sekolah seluruh Malaysia melalui program Skim Pinjaman Buku teks atau ringkasnya SPBT .

Namun begitu kekerapan penggunaan buku teks dalam kalangan guru ketika ini di dapati semakin merosot . Umpamanya kajian Abdul Rahman Md Aroff et.al., ( 1989 ) menyebut 53,6 % guru menggunakan buku teks sepenuhnya. Peratus ini didapati telah menurun kepada 38 .9 % dalam kajian Zulkifli A Manaf et.al. ( 1995 )malahan kajian oleh Abd Majid Mohd Isa et. al. (1999) merumuskan guru menganggap buku teks SPBT hanya sebagai sumber kedua pengajaran mereka. Bagi mereka, buku kerja lebih praktikal digunakan sebagai sumber utama khususnya bagi mata pelajaran bahasa. Manakala menurut Tn Hj. Borhan Ariffin, Ketua Panitia Bahasa Arab SMK Sri Raub, beliau lebih banyak menggunakan buku teks kerana tidak ada pilihan lain dan kurangnya buku kerja BAK di pasaran.

Justeru kerana itu keadaan ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi para pelajar untuk menggunakan buku teks sebagai bahan rujukan mereka . Para pelajar juga turut mengabaikan penggunaan buku teks ini dan sesetengahnya menganggap hanya membazir sahaja membeli atau meminjam buku tersebut.

Mengapakah fenomena ini terjadi? Beberapa kajian telah mendapati wujud kekurangan dalam buku teks SPBT. Misalnya kajian Jamilah Ahmad (1991) mendapati kandungan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 1 tidak dapat memenuhi keperluan pelajar berprestasi tinggi. Cheok Teng Se (1994) pula mendapati kelemahan aspek latihan dalam buku Sains yang dinilai sebagai sederhana sahaja. Begitu juga kajian Khalid Paiman (1998) yang menyatakan aspek latihan dalam buku teks SPBT didapati kurang berkesan. Hal ini menyebabkan pelajar dan guru kerap menggunakan latihan dalam buku kerja. Manakala kajian Ahmad Jusoh ( 1998) pula

mendapati buku teks Pendidikan Islam KBSM lebih mementingkan isi pelajaran berbanding latihan dan grafik .

Persoalannya adakah fenomena yang tersebut di atas berlanjutan sehingga kini? Sejauhmanakah kekerapan pelajar menggunakan buku teks bahasa Arab di dalam kelas? Apakah faktor yang mempengaruhi penggunaan tersebut? Adakah buku teks dapat membantu proses pembelajaran? Bagaimanakah penilaian pelajar terhadap buku teks tersebut? Adakah masih relevan atau sebaliknya ? Oleh kerana belum ditemuduga yang khusus dijalankan terhadap penggunaan buku teks BAK tingkatan satu terutamanya usianya baru sahaja menjangkau dua tahun penggunaannya, maka penulis merasakan amat wajar untuk dibuat satu kajian bagi melihat sejauhmanakah penggunaannya dimanfaatkan oleh pelajar.

### **Tujuan Kajian**

Secara umum kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat balas tentang penggunaan buku teks Bahasa Arab Tingkatan 1 dalam kalangan pelajar di sekolah yang menawarkan BAK Komunikasi. Manakala secara khususnya, tujuan kajian ini adalah untuk :

- ( 1 ) Mengetahui sejauhmana kekerapan penggunaan buku tek bahasa Arab Tingkatan Satu dalam kalangan guru .
- ( 2 ) Mengenalpasti faktor – faktor yang mempengaruhi pelajar menggunakan buku tek Bahasa Arab tingkatan satu di dalam kelas .
- ( 3 ) Menilai kesesuaian buku teks Bahasa Arab Tingkatan Satu dengan situasi pembelajaran sekarang?

Oleh kerana itu kajian ini diharap dapat menjawab beberapa persoalan yang dirumuskan dalam bentuk soalan kajian seperti berikut :

### **Soalan kajian**

- ( a ) Sejauhmanakah buku teks bahasa Arab Tingkatan satu telah digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran mereka ?
- ( b ) Apakah faktor – faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menggunakan buku teks Bahasa Arab Tingkatan Satu ?
- ( c ) Apakah penilaian yang diberikan oleh pelajar terhadap kesesuaian buku teks Bahasa Arab dengan situasi pembelajaran sekarang ?

### **Manfaat Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat balas daripada pelajar terhadap penggunaan buku teks Bahasa Arab Tingkatan 1. Dengan itu kajian ini adalah diharapkan dapat memberi input yang bermanfaat kepada pihak yang bertanggungjawab dalam program buku teks seperti SPBT, BBT, panel penulis buku teks, AJK kawalan mutu, penerbit buku serta guru – guru di sekolah khususnya yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Arab.

Kepada pihak BBT, hasil kajian ini diharapkan dapat membantu sedikit sebanyak dalam membuat pertimbangan dalam penentuan dasar tempoh penggunaan buku teks.

Begitu juga dapat membuat unjuran anggaran perbelanjaan yang tepat dan betul bagi proses penyediaan buku teks selanjutnya. Keadaan ini ini dapat menentukan bahawa buku teks yang akan dihasilkan pada masa akan datang benar – benar menepati kehendak kurikulum kebangsaan. Dapatan kajian ini juga diharap agar pihak BBT dapat memilih panel penulis yang benar – benar faham dan bersedia dengan kehendak kurikulum, penilaian, guru dan proses pengajaran dan pembelajaran semasa di dalam kelas.

Selain dari itu juga kepada panel penulis diharap dapat merangka dan menghasilkan penulisan buku teks yang benar – benar berkualiti selaras dengan kehendak dan keperluan pelajar dan guru di sekolah. Penulisan mereka boleh dipertingkatkan dan diperhalusi lagi berdasarkan maklumat balas pelajar dalam kajian ini. Dengan yang demikian panel penulis dijangka dapat menyumbangkan kepakaran yang ada pada mereka secara optimum pada masa akan datang. Demikian juga dengan penerbit – penerbit buku. Jika sekiranya ini berlaku maka hasrat pihak kerajaan untuk melihat generasi akan datang sebagai satu generasi yang berilmu dan berkemahiran tinggi akan menjadi kenyataan.

Bagi pihak pelajar pula kajian ini diharap dapat menyuarakan hasrat mereka tentang buku teks yang mereka gunakan. Ia merupakan salah satu dari saluran untuk menyatakan kepuasan atau sebaliknya terhadap buku teks tersebut. Oleh itu pelajar seharusnya memanfaatkan kajian ini untuk memperbetulkan apa yang dihasratkan serta adakah apa yang di persembahkan itu benar – benar membantu mereka untuk mempertingkatkan ilmu kemahiran bahasa apalagi bahasa tersebut merupakan bahasa kedua mereka.



Untuk pihak sekolah pula terutama sekali guru – guru yang mengajar subjek Bahasa Arab kajian ini diharap dapat memberi ruang dan peluang untuk mereka menyatakan pandangan secara profesional tentang penggunaan buku teks ini di sekolah. Dapatan kajian ini dapat memandu mereka melihat sejauhmanakah buku teks ini masih relevan sebagai bahan rujukan utama pengajaran disamping penggunaan bahan lain seperti buku rujukan, buku kerja, lembaran kerja, akhbar dan sebagainya.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini mengambil masa selama 12 minggu iaitu bermula bulan november 2004 dan berakhir pada bulan februari 2005. Tempoh tiga minggu pertama digunakan untuk menulis dan mendapatkan bahan dari perpustakaan. Manakala dua minggu yang berikutnya digunakan untuk merancang dan membina item soal selidik, dua minggu untuk kerja pengutipan data, satu minggu lagi untuk memproses dan menganalisis data dan manakala selebihnya lagi adalah untuk penulisan laporan lengkap.

Dengan begitu, bilangan item soal selidik melibatkan hanya 40 soalan sahaja. Hal ini selaras dengan bilangan sampel sebanyak 90 orang pelajar dari sekolah – sekolah yang mempunyai kelas Bahasa Arab Komunikasi di daerah Raub, Pahang. Set borang soal selidik ini akan diedarkan kepada sekolah-sekolah terpilih pada bulan januari 2005. Pelajar yang terlibat ialah pelajar di tingkatan satu dan tingkatan dua kerana mereka telahpun menggunakan buku teks bahasa Arab tingkatan satu tersebut.

Kajian ini juga dibataskan kepada penggunaan buku teks bahasa Arab tingkatan satu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka terbitan tahun 2003 sahaja.

Oleh kerana pemilihan sampel hanya dilakukan di satu kawasan yang kecil sahaja dan tidak menyeluruh, maka hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada umum. Walau bagaimanapun kajian ini ianya boleh dijadikan sedikit panduan untuk pengkaji seterusnya membuat kajian yang lebih mendalam.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan tadi dapatlah disimpulkan bahawa satu kajian perlu dilakukan terhadap buku teks Bahasa Arab Komunikasi (BAK) Tingkatan 1 untuk melihat sejauh manakah keberkesanannya terhadap perkembangan dan percambahan ilmu serta kemahiran dapat dikuasai oleh para pelajar. Walaupun usia penggunaanya masih belum mencapai dua tahun penggunaanya namun kita dapat melihat sama ada pada tahap awal ini buku tersebut mempunyai kualiti dan ianya lebih bersifat *mesra pelanggan*.